

RAYUAN TERBUKA

KEPADA MAJLIS TERTINGGI PAS, BERSATU DAN UMNO.

SERUAN UNTUK PENILAIAN STRATEGIK — JANGAN TERPEDAYA DENGAN HELAH & PENIPUAN POLITIK TERBESAR ANWAR

Majlis Tertinggi PAS, BERSATU dan UMNO mesti berhadapan dengan satu realiti yang tidak selesa tetapi tidak dapat dielakkan: peningkatan mendadak isu-isu berasaskan kaum dan agama pada masa ini merupakan satu pengalihan perhatian politik (POLITICAL DIVERSION) yang dirancang secara strategik, bertujuan melindungi Perdana Menteri daripada krisis legitimasi perlembagaan yang semakin memuncak.

Kebangkitan semula secara agresif sejak 1 bulan ini mengenai isu kuil Hindu dan menjenamakannya sebagai “Kuil Haram” dan pemolitikan industri penternakan babi — dua perkara yang diketahui menimbulkan keresahan dan ketidakpercayaan mendalam dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam serta masyarakat Cina dan India — bukanlah suatu kebetulan dan bukan juga berakar daripada usaha pembaharuan tadbir urus yang tulen. Isu-isu ini telah wujud sejak berdekad lamanya. Yang luar biasa ialah masa, penyelarasan dan penggandaan naratif ini secara tersusun/terancang.

Lebih membimbangkan, Anwar Ibrahim telah membuat insinuasii palsu dan fitnah bahawa saya seorang “pelampau” yang membuat tuntutan tidak munasabah berhubung kuil Hindu, bahawa saya nyatakan orang-orang Hindu dibunuh dalam tahanan sekali gus menimbulkan ketakutan dalam kalangan parti-parti politik Melayu bahawa mereka sedang berhadapan dengan “musuh Islam”.

Persoalan yang wajib ditanya secara jelas dan terus ialah: **mengapa sekarang?**

KRISIS SEBENAR: LEGITIMASI PERLEMBAGAAN

Jawapannya terletak pada tekanan yang semakin meningkat terhadap Anwar Ibrahim — tekanan yang bukan lagi datang hanya daripada pesaing politik, tetapi juga daripada dalam kerangka perlembagaan negara sendiri.

Kini telah menjadi pengetahuan umum dalam kalangan politik, perundangan dan institusi bahawa aduan rasmi serta representasi terperinci oleh tokoh-tokoh yang berwibawa telah dikemukakan kepada Istana dan kepada sembilan Raja-Raja Melayu, yang membangkitkan kebimbangan perlembagaan yang amat serius berhubung:

1. **Legitimasi Anwar Ibrahim untuk terus memegang jawatan Perdana Menteri**, termasuk persoalan kelayakan perlembagaan, kewibawaan moral dan keadaan perundangan yang melingkari pelantikannya; dan
2. **Tindakan unilateral Anwar Ibrahim menandatangani perjanjian dengan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump**, tanpa mematuhi keperluan perlembagaan yang mengawal

perkara-perkara berkepentingan nasional, sekali gus mengetepikan kuasa perlembagaan serta peranan perundangan, pengawasan dan perundangan Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja dan Parlimen; dan

3. Risiko yang nyata dan serius terhadap **kemerosotan martabat, kedudukan dan kuasa perlembagaan Institusi Diraja serta peranan sembilan Raja-Raja Melayu, akibat tindakan Anwar Ibrahim yang begitu besar kesannya**, yang jika tidak dibendung atau ditangani, pada hakikatnya boleh membawa kepada pengambilan kuasa dan tanggungjawab yang secara jelas diperuntukkan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu di bawah Perlembagaan Persekutuan, sekali gus melemahkan semangat, struktur dan keluhuran sistem Raja Berperlembagaan serta Demokrasi Berparlimen di Malaysia.

Perkembangan ini bukan sekadar isu prosedur atau tafsiran teknikal, tetapi menyentuh teras kedaulatan negara, kerana Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu bukan sekadar simbolik, malah merupakan pemegang amanah kedaulatan, pelindung Perlembagaan dan benteng terakhir terhadap sebarang penyalahgunaan kuasa Perdana Menteri.

Sebarang tindakan yang meminggirkan, mengurangkan atau mengeneipkan peranan tersebut bukan sahaja mencabar imbalan kuasa yang ditetapkan oleh Perlembagaan, malah berpotensi menggugat asas kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai payung kepada Persekutuan dan negeri-negeri, demokrasi berparlimen serta kestabilan negara keseluruhannya.

Lebih signifikan lagi, terdapat petunjuk yang semakin jelas bahawa Istana sendiri kini sedang meneliti dan berhadapan secara langsung dengan Perdana Menteri berhubung perkara-perkara ini. Perkembangan ini mengangkat isu tersebut daripada sekadar perbezaan politik biasa kepada satu krisis perlembagaan dan institusi negara.

Apabila perkara sebegini sampai ke pengetahuan dan pertimbangan Istana, ia menandakan bahawa isu tersebut telah melangkaui batas politik kepartian dan memasuki ruang tanggungjawab Raja sebagai penjaga keseimbangan kuasa, pelindung keluhuran Perlembagaan dan pemelihara kepentingan agama, bangsa dan negara.

Dalam kerangka Raja Berperlembagaan, peranan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu bukan pasif, tetapi bersifat pengawasan dan perlindungan terhadap sebarang tindakan yang berpotensi menjejaskan struktur asas negara.

KRISIS LEGITIMASI BERHUBUNG PELANTIKAN DAN KELAYAKAN UNTUK MEMERINTAH

Pada masa yang sama, pelantikan Perdana Menteri selepas PRU15 semakin dipersoalkan di mahkamah dan dalam wacana awam. Dakwaan telah timbul bahawa Yang di-Pertuan Agong terdahulu mungkin telah diberikan gambaran yang mengelirukan berhubung kelayakan dan kesesuaian Anwar Ibrahim untuk memegang jawatan, khususnya mengambil kira isu hilang kelayakan perundangan yang belum diselesaikan serta ketiadaan pengampunan bebas di bawah Perkara 48.

Tambahan pula, pelbagai dakwaan lain kini berlegar dalam ruang awam — termasuk dakwaan berhubung penganiayaan terhadap Yusuf Rawther dalam kes melibatkan dadah yang boleh membawa hukuman mati serta senjata api palsu; persoalan belum terjawab mengenai penyerahan tanah kepada Indonesia di Sabah dan naratif palsu “no man’s land”, isu Ambalat yang disapu dibawah karpet. Kesemua ini tidak dibahaskan secara terbuka di Parlimen; serta kemungkinan campur tangan asing dalam hal ehwal Malaysia melalui pengaruh tidak sah/beretika ke atas Anwar Ibrahim yang dikaitkan dengan dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) berkaitan Epstein.

Kesemua isu ini bukan sahaja menghakis kredibiliti politik, malah meruntuhkan kewibawaan moral kepimpinan Anwar Ibrahim.

Inilah krisis sebenar yang sepatutnya menjadi perhatian nasional — dan inilah isu-isu yang cuba dielakkan oleh Anwar melalui penciptaan pembentukan naratif palsu yang mencetuskan ketegangan agama secara buatan sebagai helah terancang bagi mengalihkan perhatian daripada persoalan-persoalan serius dan semakin mendesak yang kini membelenggu kepimpinan beliau.

MENGAPA ISU KAUM DAN AGAMA DIPERSENJATAKAN OLEH ANWAR

Sebaliknya, negara sengaja dialihkan kepada isu-isu yang membakar emosi — penternakan babi dan kuil Hindu.

Isu kuil Hindu bukanlah cabaran terhadap hak Melayu atau Islam. Ia adalah kesan kegagalan dasar sejarah, khususnya selepas pemindahan paksa besar-besaran komuniti ladang pada era 1980-an berjumlah 800,000 orang India serta penukaran dan penswastaaan tanah estet. Banyak kuil telah wujud sebelum merdeka, namun status perundangan mereka tidak pernah diselesaikan secara tuntas oleh kerajaan-kerajaan terdahulu dan sekarang, menyebabkan keadaan di mana kuil-kuil tersebut kini berada di atas tanah milik swasta atau kerajaan.

Penternakan babi pula telah wujud sejak sebelum Merdeka, termasuk di kawasan seperti Tanjung Sepat. Ini adalah isu pengawalseliaan — bukan ancaman kewujudan.

Pengemasan semula isu-isu sensitif ini oleh Anwar Ibrahim sebagai simbol kehilangan hak Melayu dan ancaman terhadap Islam adalah suatu tindakan yang disengajakan. Ia mempunyai satu tujuan politik: membina semula imej Perdana Menteri sebagai pembela kepentingan Melayu-Islam ketika legitimasi beliau berada pada tahap paling lemah dan sokongan rakyat semakin merosot.

ANCAMAN LANGSUNG TERHADAP PAS, BERSATU DAN UMNO

PAS, BERSATU dan UMNO mesti memahami perkara ini dengan jelas:

Anda sedang ditarik ke dalam satu naratif yang sengaja mengalihkan perhatian daripada usaha anda mempertahankan Institusi Diraja, maruah Melayu, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan Malaysia dan kestabilan negara.

Kepentingan nasional yang lebih besar menuntut pendirian yang tegas dalam mempertahankan prinsip-prinsip ini serta menolak sebarang percaturan yang hanya bertujuan memastikan kelangsungan politik Perdana Menteri dan pengukuhan kuasa jangka panjang menjelang PRU16.

Setiap kali anda:

- Mengulangi label bahawa kuil Hindu adalah “haram” secara mutlak tanpa konteks sejarah dan perundangan;
- Membesarkan kemarahan terhadap penternakan babi sambil mengabaikan pelanggaran Perlembagaan;
- Berdiam diri terhadap pengambilan kuasa yang secara khusus diperuntukkan kepada Institusi Diraja, Parlimen dan kedaulatan negara;

anda sebenarnya sedang menguatkan strategi Anwar, bukan melemahkannya.

Strategi ini mudah dan kejam:

- Sokongan kaum Cina dianggap kekal utuh dengan DAP sebagai sebahagian daripada PH.
- Sokongan kaum India akan dikawal kemudian melalui mewujudkan ketakutan terhadap politik alternatif daripada PN, khususnya PAS.
- Sasaran utama yang tinggal hanyalah undi Melayu-Muslim, yang akan dipecahkan daripada PAS, BERSATU dan UMNO dan memihak kepada Anwar Ibrahim melalui penciptaan keresahan agama secara palsu.

Jika anda terpedaya dengan percaturan ini, anda bukan sahaja akan kehilangan undi tradisi Melayu — malah anda akan mengabsahkan penipuan politik terbesar yang meruntuhkan tadbir urus berperlembagaan negara.

Hakikatnya, pertarungan sebenar bukan sekadar kedudukan politik mana-mana parti, tetapi kedudukan Institusi Diraja sebagai tonggak kedaulatan negara dan sumber legitimasi tertinggi dalam sistem Demokrasi Berparlimen Malaysia.

Jika kuasa dan peranan Raja-Raja Melayu boleh diketepikan atau dipinggirkan tanpa tentangan tegas, maka precedent tersebut akan menjadi ancaman berpanjangan terhadap kelangsungan sistem Raja Berperlembagaan itu sendiri.

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM SEBAGAI BENTENG INSTITUSI TERAKHIR

Rayuan ini juga ditujukan kepada Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Doktrin berkecuali tidak mewajibkan penjawat awam untuk memudahcara atau berdiam diri apabila berlaku pelanggaran Perlembagaan. Kesetiaan adalah kepada Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan Parlimen — bukan kepada Anwar Ibrahim.

Dalam sumpah jawatan penjawat awam, kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong bukan bersifat simbolik, tetapi membawa tanggungjawab sebenar untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Baginda dan Raja-Raja Melayu tidak dicerobohi, disempitkan atau diambil alih secara tidak sah.

Kegagalan mempertahankan kedudukan tersebut bukan sahaja menjejaskan integriti perkhidmatan awam, malah bererti mengabaikan amanah perlembagaan yang menjadi asas kewujudan negara ini.

Apabila terdapat bukti yang kukuh mengenai tindakan yang tidak berperlembagaan, penghakisan demokrasi berparlimen, atau pengambilan alih kuasa Institusi Diraja oleh Perdana Menteri, maka menjadi tanggungjawab perlembagaan pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam untuk menasihati, merekodkan dan, jika perlu, memaklumkan kepada Istana melalui saluran yang sah.

Berdiam diri dalam keadaan sedemikian bukanlah berkecuali — ia adalah kegagalan institusi.

KESIMPULAN: DETIK PENENTUAN

PAS, BERSATU dan UMNO kini berada di persimpangan yang menentukan.

Sejarah tidak akan menilai niat — ia akan menilai hasil.

Jangan biarkan sejarah menghakimi bahawa anda menjadi mangsa helah dan penipuan politik terbesar Anwar Ibrahim dalam era ini, ketika Perlembagaan berada dalam bahaya, dan kuasa serta martabat Institusi Diraja dipertaruhkan, serta Demokrasi Berparlimen dicemari.

Lebih daripada itu, jangan biarkan generasi akan datang melihat saat ini sebagai detik di mana kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pelindung dan payung kepada bangsa dan penjaga kedaulatan negara dibiarkan terhakis tanpa pembelaan yang sewajarnya.

Apabila Institusi Diraja terjejas, yang terjejas bukan sekadar struktur politik, tetapi keseluruhan asas kenegaraan Malaysia.

Waytha Moorthy Ponnusamy
Presiden/Pengerusi
Parti Kemajuan Malaysia (MAP)
Hindraf
11.2.2026

3.30pm